



18 Mac 2022  
18 March 2022  
P.U. (A) 66

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CAP DAGANGAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KEDUA) 2022

### *TRADEMARKS (AMENDMENT OF FIRST AND SECOND SCHEDULES) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA CAP DAGANGAN 2019**

**PERINTAH CAP DAGANGAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KEDUA) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 161(1) Akta Cap Dagangan 2019 [*Akta 815*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cap Dagangan (Pindaan Jadual Pertama dan Kedua) 2022**.  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Jadual Pertama kepada Akta Cap Dagangan 2019 dipinda—
  - (a) dalam perenggan 3—
    - (i) dengan menggantikan subperenggan 3(1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Walau apa pun perenggan 23(1)(c), 23(4)(a) dan 23(4)(b), suatu cap kolektif yang terdiri daripada petunjuk geografi boleh didaftarkan oleh Pendaftar sebagai suatu cap kolektif untuk menamakan tempat asal geografi barang-barang atau perkhidmatan melainkan jika—
      - (a) cap kolektif itu terdiri semata-mata daripada suatu petunjuk yang sama dengan terma yang lazim dalam bahasa umum sebagai nama umum bagi apa-apa barang-barang atau perkhidmatan di Malaysia dan pendaftaran cap kolektif yang terdiri daripada petunjuk geografi dimohon

berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan tersebut;

- (b) cap kolektif itu tidak dilindungi atau telah terhenti daripada dilindungi di negara atau wilayah asalnya;
  - (c) barang-barang atau perkhidmatan itu tidak berasal daripada negara, rantau atau lokaliti yang ditunjukkan dalam subsubperenggan 5(3)(a); atau
  - (d) penggunaan cap kolektif itu berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan itu adalah sedemikian rupa yang boleh mengelirukan orang awam tentang tempat asal sebenar barang-barang atau perkhidmatan itu.”;
- (ii) dengan menomborkan semula subperenggan 3(2) yang sedia ada sebagai subperenggan 3(7); dan
- (iii) dengan memasukkan sebelum subperenggan 3(7) yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Walau apa pun subperenggan (1), suatu cap kolektif yang terdiri daripada petunjuk geografi tidak boleh didaftarkan oleh Pendaftar jika—

- (a) cap kolektif itu mengandungi atau terdiri daripada suatu petunjuk geografi yang berdaftar, atau berkenaan dengannya suatu permohonan bagi pendaftaran telah dibuat, di bawah Petunjuk Geografi 2022 [Akta 836]

atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang berhubungan dengan petunjuk geografi sebelum tarikh permohonan bagi pendaftaran cap kolektif itu; dan

- (b) barang-barang yang baginya cap kolektif itu hendak didaftarkan—
- (i) sama atau serupa dengan barang-barang yang baginya petunjuk geografi itu didaftarkan atau yang baginya pendaftaran bagi petunjuk geografi itu dimohon; dan
  - (ii) tidak berasal daripada tempat yang ditunjukkan oleh petunjuk geografi itu.

(3) Subperenggan (2) hendaklah terpakai sama ada atau tidak cap kolektif yang terdiri daripada petunjuk geografi itu mengandungi atau bersama dengan, tanpa mengira bahasa petunjuk geografi itu dinyatakan dalam cap kolektif itu—

- (a) suatu petunjuk bagi tempat asal sebenar barang-barang itu; atau
- (b) suatu ungkapan seperti “jenis”, “macam”, “gaya”, “tiruan” atau apa-apa perkataan atau ungkapan yang serupa.

(4) Walau apa pun subperenggan (2), suatu cap kolektif boleh didaftarkan oleh Pendaftar jika permohonan bagi pendaftaran cap kolektif itu telah dibuat dengan suci hati atau cap kolektif itu telah digunakan secara berterusan dengan

suci hati dalam perjalanan perdagangan oleh pemohon atau pendulunya dalam hakmilik, sama ada—

(a) sebelum tarikh permohonan bagi pendaftaran petunjuk geografi yang berkenaan di Malaysia; atau

(b) sebelum petunjuk geografi yang berkenaan dilindungi di negara asalnya.

(5) Jika suatu permohonan bagi cap kolektif mengandungi atau terdiri daripada suatu petunjuk geografi berkenaan dengan wain atau spirit dan cap kolektif itu digunakan atau dihasratkan untuk digunakan berhubung dengan suatu wain atau spirit yang tidak berasal daripada tempat yang ditunjukkan dalam petunjuk geografi, cap kolektif itu tidak boleh didaftarkan oleh Pendaftar, walaupun jika tempat asal sebenar wain atau spirit ditunjukkan atau petunjuk geografi itu digunakan dalam terjemahan atau bersama dengan ungkapan seperti “jenis”, “macam”, “gaya”, “tiruan” atau apa-apa perkataan atau ungkapan yang serupa, tanpa mengira bahasa petunjuk geografi itu dinyatakan dalam cap kolektif itu.

(6) Walau apa pun subperenggan (5), suatu cap kolektif yang mengandungi atau terdiri daripada suatu petunjuk geografi berkenaan dengan wain atau spirit boleh didaftarkan oleh Pendaftar jika—

(a) permohonan bagi pendaftaran cap kolektif itu telah dibuat dengan suci hati atau cap kolektif itu telah digunakan secara berterusan dengan suci hati dalam perjalanan